



## FUNGSI AYAT GRAMATIS DALAM PEMBINAAN HUKUM FIKAH DARIPADA AYAT-AYAT AL-QURAN SURAH AL-BAQARAH

(The Function of Grammatical Sentence in Constructing an Islamic Jurisprudence Rules  
from Quranic Verses of Surah al-Baqarah)

<sup>1</sup> KAMARUL SHUKRI MAT TEH

<sup>2</sup> MOHD SHAHRIZAL NASIR\*

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan  
Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

---

### ABSTRAK

Penguasaan tatabahasa Arab merupakan antara syarat penting bagi melayakkan seseorang individu mengeluarkan pandangan (ijtihad) berkaitan masalah fikah. Menurut majoriti ahli bidang tatabahasa Arab silam dan kontemporari, ayat-ayat al-Quran tidak bercanggah dengan hukum tatabahasa Arab. Oleh itu, majoriti ulama bersepakat menjadikan al-Quran sebagai sumber hujah utama dalam menyelesaikan perbezaan pandangan tentang tatabahasa Arab. Hal ini menjelaskan fungsi tatabahasa Arab dalam pemahaman ayat al-Quran serta pembinaan hukum fikah daripada ayat-ayat al-Quran. Malah, perbezaan pandangan dalam kalangan ulama mazhab-mazhab fikah, antara lain berpunca daripada pemahaman mereka terhadap makna ayat al-Quran dari aspek tatabahasa Arab. Makalah ini berusaha menjelaskan fungsi tatabahasa Arab dalam pembinaan hukum fikah daripada nas-nas al-Quran. Terdapat tiga unsur tatabahasa Arab yang mempengaruhi proses pembinaan hukum fikah iaitu fleksi (*i'rab*), partikel dan ayat gramatis. Makalah ini akan memberi fokus terhadap satu daripada tiga unsur tersebut iaitu ayat gramatis. Berdasarkan analisis tatabahasa yang dibuat terhadap beberapa ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah, secara jelas menunjukkan bahawa fungsi tatabahasa Arab amat penting dalam proses pembinaan hukum fikah daripada ayat al-Quran. Analisis ini seterusnya

---

\*Corresponding author: Mohd Shahrizal Bin Nasir, Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia, Mel-e: mohdshahrizal@unisza.edu.my

Diserahkan: 29 September 2013

Diterima: 4 Mei 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2015-0701-05>

menguukuhkan keperluan menguasai ilmu tatabahasa Arab oleh individu yang terlibat dalam proses pembinaan hukum fikah, terutama bagi masalah-masalah fikah semasa. Tanpa penguasaan yang mantap terhadap tatabahasa Arab, pembinaan hukum berkaitan masalah fikah akan menjadi celaru dan ia tidak menjadi jalan penyelesaian terbaik bagi isu-isu yang timbul.

**Kata kunci:** al-Quran; tatabahasa Arab; hukum fikah; ayat gramatis; ijtihad

### **ABSTRACT**

*Mastery of the Arabic grammar is an important condition that qualifies an individual to exercise critical thinking and independent judgement (ijtihad) towards Islamic jurisprudence. According to a majority of early and contemporary Arabic grammar scholars, there is no contradiction between the Quranic verses and the rules of Arabic grammar which means that there is agreement that the Quran is the main source of reference for resolving differences of opinion on Arabic grammar. This also proves the importance of knowledge in Arabic grammar to understand the Quran and how the construction of the Islamic jurisprudence rules are derived from the Quranic verses. However, the differences of opinions among jurists towards Islamic jurisprudence rules is due to their interpretation of the Quranic verses from the stand point of Arabic grammar. This article seeks to explain the function of Arabic grammar in the construction of Islamic jurisprudence rules from the Quranic verses. There are three elements of Arabic grammar that influence the construction of Islamic jurisprudence rules; flexibility (i'rab), particles and grammatical sentence. This article will focus only on grammatical sentences. Based on grammatical analyses on several Quranic verses from surah al-Baqarah, it shows that the function of Arabic grammar is very important in the process of deriving Islamic jurisprudence rules from the Quran. Furthermore, the analyses reinforce the need for mastery in Arabic grammar by individuals involved in the process of constructing Islamic jurisprudence rules, and this is even more so for current Islamic jurisprudence issues. Without mastery of Arabic grammar, not only will the process of constructing Islamic jurisprudence rules become disorderly, but no clear decision or solution can be made for other arising issues.*

**Keywords:** *al-Quran; Arabic grammar; Islamic jurisprudence rules; grammatical sentence; exertion*

### **PENDAHULUAN**

Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang menjadi panduan bagi umat Islam. Allah SWT telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang menjadi pengantar bagi isi kandungan kitab suci tersebut. Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran

secara tidak langsung telah menjadikan bahasa ini satu bahasa yang dipandang tinggi oleh umat Islam kerana kepentingannya. Oleh itu, didapati bahawa generasi Islam yang pertama sentiasa berusaha untuk memahami isi kandungan al-Quran dan beramal dengan ajarannya. Hal ini berdasarkan kata-kata Ibn Mas'ud yang bermaksud: 'Dalam kalangan kami, seseorang yang telah mempelajari sepuluh ayat al-Quran tidak akan melampauinya (untuk menghafal ayat lain) kecuali setelah dia benar-benar memahami maknanya dan beramal dengannya' (al-Zarkashi 1990). Dari sini, jelas menunjukkan bahawa meskipun generasi pertama Islam terdiri daripada mereka yang berbangsa Arab, namun mereka masih memerlukan masa untuk memahami kandungan al-Quran dan beramal dengannya.

Pemahaman terhadap al-Quran pula semestinya didasari oleh penelitian yang rapi terhadap ayat-ayat al-Quran tersebut yang menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, adalah sesuatu yang sukar bagi seseorang individu untuk memahami isi kandungan al-Quran serta mencari petunjuk daripadanya dan beramal dengan ajarannya tanpa mempelajari dan menguasai bahasa Arab. Malah dalam al-Quran, Allah SWT menjelaskan bahawa penurunan al-Quran kepada sekalian manusia adalah bertujuan agar mereka memahami isi kandungannya dan berfikir mengenainya dala firman Allah SWT:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢﴾  
(Yusuf 12:2)

Maksud: Sesungguhnya kami menurunkan Kitab itu sebagai Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya.

Al-Quran mengandungi lebih daripada 6200 ayat yang meliputi pelbagai bidang seperti akidah, fikah, akhlak, sejarah, geologi, kemasyarakatan dan sebagainya (Kamarul 2005). Daripada jumlah tersebut, didapati bahawa ayat berkaitan hukum fikah melibatkan kira-kira 500 ayat sahaja (Kamarul 2005). Ia merupakan nisbah yang kecil berbanding dengan jumlah ayat al-Quran yang berhubung dengan persoalan akidah (Khallaf 1988; Zaydan 1994). Walau bagaimanapun, kesemua ayat yang menjadi perbincangan hukum fikah ini memerlukan individu yang mahir dalam bahasa Arab bagi memahami dan menghuraikannya.

Bagi memahami dan mengeluarkan hukum fikah daripada al-Quran, para ulama telah menggunakan kaedah yang pelbagai. Kebanyakan kaedah tersebut berpaksikan kepada kekuatan pemahaman bahasa Arab yang menjadi bahasa pengantar bagi al-Quran. Lantaran itu, para mujtahid mestilah seorang yang mahir dan menguasai bahasa Arab dengan baik. Pengetahuan mengenai cabang-cabang ilmu berkaitan bahasa Arab seperti *nahw*, *sarf*, *balaghah* dan *dilalah* merupakan satu keperluan dalam usaha mengeluarkan sesuatu hukum fikah.

Namun begitu, kepentingan dan keutamaan cabang ilmu bahasa Arab telah mula kabur dalam masyarakat Islam. Terdapat segelintir masyarakat yang beranggapan

bahawa pengetahuan bahasa Arab yang meluas tidak akan membentuk seseorang itu menjadi tokoh ilmunan dalam disiplin agama. Hal ini perlu diperbetulkan dengan segera kerana ia merupakan satu pandangan yang salah. Setiap anggota masyarakat muslim perlu menyedari betapa besarnya fungsi tatabahasa Arab dalam pembinaan hukum fikah. Justeru, makalah ini bertujuan untuk menyerlahkan fungsi tatabahasa Arab khususnya yang melibatkan ayat gramatis terhadap pembinaan hukum fikah serta keperluan untuk meletakkan kedudukan bahasa Arab pada tempat yang selayaknya.

## **BAHASA ARAB DAN PERUNDANGAN ISLAM**

Bahasa merupakan suatu bentuk potensi berpusat pada akal yang berkait rapat dengan pembinaan sahsiah insan. Melalui bahasa, manusia dapat membenarkan keesaan Allah SWT. dan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Melalui bahasa juga manusia mampu untuk memahami tuntutan syariah dan perundangan Islam dalam usaha menunaikan tuntutan sebagai hamba Allah SWT di atas muka bumi. Justeru, bagi menjelas dan memahamkan tentang syariat Islam yang bersifat menyeluruh, pertengahan, universal dan praktikal, Allah SWT telah memilih bahasa Arab sebagai bahasa yang membawa perutusan daripada-Nya. Oleh itu, bagi tujuan memahami perutusan tersebut, maka mempelajari dan memahami bahasa Arab merupakan satu keperluan.

Ibn Khaldun (t.th.) menjelaskan bahawa asas utama bahasa Arab ada empat iaitu leksikografi, tatabahasa, bayan dan sastra. Pengetahuan tentang kesemua ilmu tersebut amat penting bagi para sarjana ilmu agama kerana sumber perundangan Islam terdiri daripada al-Quran dan Sunnah dalam bahasa Arab. Ibn Taymiyyah (1979) turut menjelaskan betapa pentingnya bahasa Arab dalam sistem perundangan Islam, serta menegaskan bahawa bahasa Arab merupakan satu bahagian daripada urusan agama. Memahami al-Quran dan Sunnah adalah satu kemestian. Kedua-duanya tidak dapat difahami melainkan dengan pengetahuan yang baik terhadap bahasa Arab. Oleh itu, bagi Ibn Taymiyyah, mempelajari bahasa Arab untuk memahami al-Quran dan Sunnah adalah wajib. Pandangannya ini berdasarkan kaedah sesuatu yang wajib tidak dapat disempurnakan kecuali dengan sesuatu perkara yang lain, maka perkara tersebut juga hukumnya wajib.

Al-Zamakhshari (1993) dalam kitabnya *al-Mufassal* menekankan peri pentingnya menguasai bahasa Arab untuk memahami syariat Islam yang terdiri daripada pelbagai disiplin ilmu agama. Ini merupakan satu keperluan yang nyata, tidak boleh ditolak dan ia sangat jelas serta tidak boleh diselindungi. Manakala Ibn Ya'ish (t.th.) ketika memberikan komentarnya terhadap pendapat al-Zamakhshari menyatakan bahawa ia disebabkan makna yang terdapat dalam ilmu tersebut tidak dapat diketahui hakikatnya, kecuali dengan mengenali lafaz-lafaznya. Untuk sampai ke tahap itu, tiada jalan pintas melainkan dengan menguasai ilmu bahasa Arab.

Hikmah sebenar pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran yang membawa pensyariatan daripada Allah SWT adalah rahsia yang hanya diketahui oleh-Nya. Namun begitu, kewajaran bahasa Arab itu menjadi bahasa *tashri*‘ boleh dilihat daripada tiga aspek:

- 1) Keutamaan yang dimiliki oleh bahasa Arab menjadikannya sebaik-baik bahasa (al-Suyuti 1998) sehingga berjaya mengatasi bahasa-bahasa lain. Kelebihan ini adalah hasil daripada kurniaan Allah SWT kepada bahasa tersebut berdasarkan firman Allah SWT:

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾ بِلسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

(al-Shu‘ara 26: 194–195)

Maksud: Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang daripada para pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia). (Ia diturunkan) dengan bahasa Arab yang fasih serta terang nyata.

Allah SWT menyifatkan bahasa Arab dengan sifat *al-bayan* iaitu nyata, jelas dan terang. Ini merupakan ciri-ciri terpenting bagi sesuatu bahasa dalam menyampaikan maksud perkataan, sama ada dalam bentuk percakapan mahupun penulisan. Sekiranya sesuatu bahasa itu bersifat samar dan tidak jelas, tentulah maksud sesuatu ayat tidak dapat disampaikan dengan baik dan tepat. Akibatnya, bahasa tersebut tidak akan mampu untuk menghurai konsep perundangan secara halus bagi membolehkan tergubalnya sesuatu undang-undang. Perkara sedemikian tidak wujud dalam bahasa Arab. Malah dengan bertunjangan kepada ciri *al-bayan*, bahasa Arab mampu untuk menjadi bahasa perundangan yang berjaya menjelaskan keseluruhan sistem perundangan Islam dengan tepat dan jelas.

- 2) Keluasan bahasa dan kekayaan perbendaharaan kata bahasa Arab turut melayakkannya menjadi bahasa perundangan Islam. Kekayaan kosa kata bahasa Arab sangat membantu dalam melicinkan proses pembentukan istilah-istilah perundangan yang memenuhi syarat kawalan kualiti, dengan memelihara ciri-ciri dalamannya seperti ringkas serta menepati konsep dan ciri-ciri luarannya seperti kesantunan dan kemas. Ciri-ciri bahasa ini sangat penting bagi mencerna pengertian hukum agar proses *tashri*‘ dapat berjalan dengan lancar. Terdapat beberapa hukum fikah yang dipengaruhi oleh kepelbagaian lafaz tetapi menunjukkan perkara yang sama. Umpamanya perkataan seperti ‘الطلاق-الفرق-الطلاق’ menunjukkan makna ‘melaikan ikatan perkahwinan’. Oleh itu, perceraian boleh berlaku apabila suami mengungkapkan salah satu daripada lafaz-lafaz tersebut kepada isterinya (al-Husayni 1991).

- 3) Kewujudan ciri-ciri *ishtiqaq* menjadikan bahasa Arab sebagai satu bahasa yang praktikal dan sesuai sepanjang zaman dalam mengungkapkan frasa-frasa perundangan. Satu perkataan dasar boleh dirombak serta dibentuk menjadi beberapa perkataan pecahan atau sampingan. Ciri-ciri ini memainkan peranan yang besar bagi memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Arab dan mencipta istilah-istilah baru. Lantaran itu, dapat diperhatikan bahawa *ishtiqaq* turut mewarnai corak pembinaan hukum-hukum fikah dalam syariat Islam. Umpamanya lafaz 'الطلاق' (kata nama terbitan), 'طلقتك' (kata kerja lampau), 'طالق' (kata nama pelaku), 'مطلقة' (kata nama penderita) merupakan perkataan yang terbit daripada kata dasar 'طلق' yang diterima pakai sebagai lafaz *talaq sarih*. Manakala lafaz 'طلقني' (kata kerja imperatif), 'تطلقين' (kata kerja depan) atau lafaz 'مطلقة' yang terbit daripada lafaz 'الإطلاق', tidak diterima pakai sebagai lafaz *talaq sarih*, sedangkan lafaz 'الإطلاق' dan 'التطليق' adalah hampir seperti hampirnya lafaz 'الإكرام' dan 'التكريم' (al-Bahuti 1990; al-Husayni 1991).

### TATABAHASA ARAB DALAM PEMBINAAN HUKUM

Proses pembentukan akta dan undang-undang berkait rapat dengan dua aspek bahasa iaitu struktur tatabahasa dan perbendaharaan kata, khususnya peristilahan (Nik Safiah 1994). Senario ini turut dilihat semasa proses pembinaan dan pembentukan hukum-hukum Islam yang bersumberkan al-Quran dan Sunnah.

Hubungan antara tatabahasa Arab dan fikah Islam adalah sangat kuat. Apabila diteliti kepada kitab-kitab fikah, akan didapati secara jelas persoalan-persoalan hukum yang berkait rapat dengan perbahasan tatabahasa Arab. Begitu juga sekiranya ditelaah kitab-kitab tatabahasa Arab, makan akan didapati bagaimana *usul al-fiqh* itu mempengaruhi perbahasan tatabahasa (al-Mubarak 1981).

Tatabahasa dianggap sebagai ilmu bahasa Arab yang paling kuat hubungannya dengan syariat Islam dan ia paling banyak mempengaruhi pembentukan hukumnya. Kewujudan dalil-dalil fikah dalam al-Quran dan Sunnah yang berbahasa Arab telah menjadikan tatabahasa berperanan besar bagi memperjelas makna-makna *nahw* yang terdapat pada lafaz-lafaz al-Quran dan Sunnah.

Kelemahan penguasaan disiplin ilmu tatabahasa pastinya menjadi penghalang utama bagi individu yang ingin mengkaji dalil-dalil fikah. Sehubungan itu, para ulama telah menjadikan ilmu tersebut sebagai satu daripada syarat yang perlu dimiliki oleh sesiapa sahaja yang ingin berjihad.

Al-Suyuti (1976) ketika meringkaskan huraian bagi pendapat al-Razi yang terdapat dalam kitab *al-Mahsul* menyatakan bahawa mempelajari bahasa Arab, *al-nahw* dan *al-tasrif* adalah fardu kifayah. Hal ini disebabkan mengetahui hukum-hukum syarak adalah wajib dengan ijmak, dan mengetahui hukum tanpa mengenali dalil-dalilnya adalah mustahil. Justeru, mengetahui dalil-dalil hukum adalah satu kemestian.

Al-Shatibi (1995) pula dengan tegasnya menggariskan dua perkara yang perlu diambil berat oleh setiap individu yang ingin berijtihad, iaitu ketika meneliti dan membahaskan perkara-perkara *usul* dan *furu'* dalam syariat:

- 1) Seseorang itu tidak dibenarkan memberi pendapat melainkan jika dia berbangsa Arab, atau mempunyai kemahiran berbahasa Arab seperti orang Arab yang menguasai selok-belok bahasa tersebut dengan baik, atau mencapai tahap bahasa yang setanding dengan tokoh-tokoh utama sarjana bahasa Arab seperti al-Khalil, Sibawayh, al-Kissa'i, al-Farra' dan seumpamanya.
- 2) Apabila seorang mujtahid berhadapan dengan permasalahan lafaz atau makna dalam al-Quran dan Sunnah, maka janganlah dia mengeluarkan pandangannya. Tetapi hendaklah dia bertanya kepada orang yang mahir untuk mengetahui tentang bahasa Arab. Dia mungkin seorang imam atau pakar dalam bahasa tersebut, tetapi barangkali terdapat beberapa perkara tentang bahasa yang terselindung atau tidak sampai kepada pengetahuannya.

Para ulama telah mewajibkan ke atas mujtahid untuk menguasai bahasa Arab dengan baik. Hal ini kerana nas-nas syarak kesemuanya termaktub dalam bahasa Arab. Lebih-lebih lagi, al-Quran dan Sunnah yang menjadi sumber nas syarak memiliki ketinggian *fasahah*, *balaghah* dan *hujjah*. Justeru, adalah mustahil untuk memahami nas-nas itu melainkan dengan menguasai bahasa Arab. Untuk menguasai dan memiliki kemahiran bahasa Arab, seseorang yang hendak berijtihad mestilah seorang Arab yang asli keakrabannya atau dia terlebih dahulu mempelajari ilmu bahasa Arab seperti *nahw*, *sarf*, *balaghah* dan sastera (Zaydan 1994).

Walau bagaimanapun, para ulama *usul al-fiqh* berbeza pendapat dalam masalah menetapkan tahap bahasa Arab yang wajib diketahui oleh mereka yang hendak berijtihad. Sepertimana yang telah dijelaskan sebelum ini, al-Shatibi mensyaratkan para mujtahid hendaklah memiliki kemampuan bahasa Arab yang setaraf dengan tokoh-tokoh utama sarjana bahasa Arab seperti al-Khalil, Sibawayh, al-Kissa'i, al-Farra' dan seumpamanya. Sebilangan besar ulama *usul al-fiqh* pula berpendapat adalah memadai bagi seseorang mujtahid memahami nas syarak dengan fahaman yang betul, iaitu dapat menanggapi makna yang tersurat dan tersirat, *haqiqah* atau *kinayah*, *am* atau *khas*, *muhkam* atau *mutashabih*, dan *mutlaq* atau *muqayyad*. Di samping itu, mereka juga mampu merujuk masalah-masalah bahasa yang sulit kepada kitab-kitab bahasa yang diakui (Sulqayni 1996; al-Bardisi 1987).

Berdasarkan penjelasan ini, dapat difahami bahawa keupayaan para mujtahid menguasai ilmu tatabahasa Arab sangat membantu untuk memudahkan proses ijtihad. Ilmu tatabahasa membolehkan mereka memahami makna-makna gramatis yang terdapat pada struktur ayat. Tatabahasa juga akan menjelaskan *dilalah* (makna) sesuatu perkataan yang

pasti berbeza maknanya dengan berubahnya fungsi gramatis perkataan tersebut. Hakikatnya, ilmu tatabahasa mampu memberi keupayaan kepada seseorang mujtahid ketika berjihad dan kekuatan untuk mengeluarkan hukum fikah daripada sumber yang asli.

Atas dasar inilah para ulama Islam tidak pernah lupa kepada kaedah tatabahasa Arab ketika berusaha untuk memahami sesuatu ayat hukum dan seterusnya mengeluarkan fatwa daripadanya. Mereka menyedari kesilapan ketika menetapkan dan memahami fungsi tatabahasa yang terdapat pada sesuatu perkataan akan membawa kepada kefahaman yang salah terhadap sesuatu nas syarak. Akibatnya mereka berkemungkinan besar akan melakukan kesilapan ketika menerangkan hukum syarak kepada orang ramai.

### ANALISIS AYAT GRAMATIS DALAM AL-QURAN

Setiap bahasa mempunyai cara tersendiri untuk mengungkap makna dalam bentuk perkataan dan ayat. Ungkapan itu terhasil mengikut sistem dalaman ayat yang mempunyai ciri-ciri tertentu (al-Khuli 1993). Sistem ini akan memandu seseorang untuk melahirkan ayat-ayat gramatis.

Dalam ayat gramatis, subjek, objek, penerang dan lain-lain seumpamanya merupakan fungsi yang bermakna. Dalam ayat: 'Hari ini hujan', perkataan 'hari ini' merupakan subjek gramatikal tetapi untuk dikatakan 'hujan' menyatakan apa yang 'hari' buat atau lakukan barangkali tidak munasabah. Secara asasnya, dalam sesuatu ayat, perlu ada dua fungsi gramatikal iaitu subjek dan predikat. Pada masa yang sama, ayat tidak diucapkan untuk menyatakan subjek dan predikat semata-mata, tetapi untuk menyatakan sesuatu tentang hakikat dan kejadian sebenar (Arbak & Ahmad 2000).

Kesemua ini adalah sistem yang menghubungkan beberapa perkataan bagi menghasilkan ayat yang berbentuk gramatis dan bermakna. Sistem ini pastinya berbeza daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Contohnya dalam bahasa Inggeris, sifat diletakkan sebelum objek yang disifatkan, seperti ayat: *Big boy* (Azhar t.th.; Muhammad Najib 1993). Dalam bahasa Arab pula, susunan itu tidak dapat diterima sebagai ayat gramatis. Malah bahasa Arab telah menetapkan sifat mesti datang selepas objek yang disifatkan, seperti ayat 'الولد الكبير' (Ibn 'Aqil 1995).

Bagi menghasilkan atau memahami ayat gramatis, disiplin ilmu tatabahasa sangat mengambil berat tentang hubungan ketatabahasaan. Tatabahasa akan mengemukakan persoalan bagaimana seharusnya bentuk hubungan tersebut (al-Khuli 1982). Ia akan memperjelas struktur jalinan yang wujud di antara 'كان' dengan 'اسم' dan 'خير'nya, 'حال' dengan 'صاحب الحال', 'نعت' dengan 'منعوت'nya, 'مضاف' dengan 'إليه' dan seumpamanya. Kesilapan yang berlaku dalam sistem susunan perkataan tersebut akan mengakibatkan kegagalan proses penyampaian makna yang dikehendaki (Wahbah & al-Muhandis 1984).



Justeru, sistem ayat gramatis perlu dicerna dengan sebaik mungkin dalam pemikiran para ahli fikah (*fukaha*). Sebarang kelalaian ketika meneliti sistem yang ada pada sesuatu nas syarak akan menyebabkan berlakunya kegelinciran dalam proses mengeluarkan fatwa. Bagi menjelaskan lagi hal ini, beberapa ayat al-Quran daripada surah al-Baqarah akan dianalisis dengan memberi fokus terhadap ayat gramatisnya. Ia bertujuan untuk menunjukkan bahawa fungsi tatabahasa Arab amat penting dalam proses pembinaan hukum fikah.

Pertama: Hukum makan ikan, belalang, hati dan limpa. Firman Allah SWT:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ  
فَمَنْ أَضْطَرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١٧٣﴾

(al-Baqarah 2: 173)

Maksud: Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah, dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak menginginiya dan tidak pula melampaui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Di samping menerangkan larangan memakan bangkai, darah, babi dan sembelihan yang disebut dengan nama selain Allah SWT, ayat di atas secara tidak langsung turut menjelaskan pengecualian terhadap beberapa perkara yang harus dimakan. Para fukaha telah memutuskan secara ijmak atas keharusan memakan ikan, belalang, hati dan limpa (Ibn al-Munzir 1988; al-Sabuni t.th.). Para ulama berpendapat bahawa 'ال' ma'rifah yang terdapat pada perkataan 'الميتة' dan juga perkataan 'الدم' merupakan 'ال العهدية الذهنية' atau 'ال العهدية العلمية' yang menjelaskan keadaan sesuatu yang telah diketahui sebelumnya (al-Zamakhshari 1995). Penggunaan 'ال' tersebut berfungsi menerangkan sesuatu yang tertentu, meskipun tidak dinyatakan dalam susunan ayat atau tidak kedengaran ketika ayat itu diungkapkan (al-Suyuti 1998; al-Juday' 2000).

Kewujudan 'ال العهدية الذهنية' yang terdapat pada kedua-dua perkataan tersebut menjelaskan larangan memakan bangkai dan darah hanya terhadap sesuatu yang telah diketahui umum. Ketentuan tersebut berdasarkan ilmu pengetahuan yang telah wujud dalam pemikiran hasil daripada 'urf, adat dan seumpamanya. Hal ini tidak hanya tertumpu atau bergantung pada lafaz dalam ayat semata-mata (Hasan t.th.). Larangan tersebut tidak meliputi ikan dan belalang yang secara zahirnya termasuk dalam kategori bangkai, atau hati dan limpa yang dikategorikan sebagai darah. Hal ini disebabkan 'ال العهدية الذهنية' yang terdapat pada perkataan 'الميتة' dan 'الدم' itu hanya merujuk kepada bangkai dan darah bersifat khusus lagi diketahui umum (al-Jassas t.th.).

Kedua: Hukum sembahyang berjemaah. Firman Allah SWT:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

(al-Baqarah 2: 43)

Maksud: Dan dirikanlah sembahyang, tunaikanlah zakat dan rukuklah bersama orang yang rukuk.

Sebahagian ulama berhujah dengan ayat ini untuk menyatakan kefarduan sembahyang secara berjemaah (al-Sadlan 1416H). Walau bagaimanapun, sebahagian daripada mereka seperti al-Shafie dan Abu Hanifah berpendapat bahawa hukum sembahyang fardu secara berjemaah adalah fardu kifayah. Manakala Ahmad dan Daud al-Zahiri pula berpendapat hukum sembahyang berjemaah adalah fardu ain (Ibn Rushd 1995; al-Dimashqi 1987). Seseengah ulama tafsir berpendapat perintah 'أقيموا الصلاة' pada permulaan ayat di atas hanya membicarakan perintah bersembahyang semata-mata. Kemudian Allah SWT mendatangkan firman-Nya 'واركعوا مع الراكعين' pada akhir ayat sebagai perintah mengerjakan sembahyang secara berjemaah (al-Qurtubi 1988).

Menurut Ibn Hisham (1998) apabila perkataan 'مع' menjadi 'مضاف', maka kebiasaannya adalah 'ظرف' atau kata keterangan. Kalimah 'مع' menunjukkan makna 'berhimpun', sama ada pada tempat seperti 'زيد مع عمرو' atau pada masa seperti 'جنت مع العصر' (al-Suyuti 1998). Kedudukan 'مع' sebagai kata keterangan tempat atau kata keterangan masa ditentukan dengan mengikut 'مضاف إليه' (al-Antaki t.th.). Kalimah 'مع' yang terdapat pada ayat hukum di atas adalah keterangan kerana ia adalah 'مضاف'. Kalimah tersebut membawa makna bersama-sama, beramai-ramai atau berjemaah (al-Qurtubi 1988). Oleh itu, 'مع الراكعين' mengisyaratkan kepada sembahyang yang dilakukan secara berjemaah atau keluar ke masjid untuk sembahyang secara berjemaah (al-Shawkani 1996). Pendapat Ibn Hisham (1998) yang mengatakan 'عند' adalah antara makna bagi 'مع الظرفية' turut menunjukkan sembahyang itu hendaklah didirikan bersama-sama di sisi mereka yang bersembahyang, iaitu secara berjemaah.

Meskipun kalimah 'اركعوا' dan 'الراكعين' pada zahirnya membawa makna rukuk, namun apabila ditinjau dari sudut konteks ayat, lebih tepat diertikan dengan sembahyang. Penyebutan lafaz rukuk dengan makna sembahyang merupakan *majaz mursal*. Penamaan ini sempena satu juzuk daripadanya (al-Zuhayli 1991; Safi 1990). Rukuk adalah satu juzuk daripada sembahyang. Seterusnya, kewujudan kata kerja imperatif 'اركعوا' sebelum daripada 'مع الراكعين' menunjukkan perintah sembahyang berjemaah itu adalah wajib. Perintah tersebut seolah-olah berbunyi: "Hendaklah kamu bersembahyang bersama-sama dengan mereka yang bersembahyang secara berjemaah dan bukannya berseorangan" (al-Zamakhshari 1995).

Ketiga: Hukum mengajar dan mempelajari ilmu sihir. Firman Allah SWT:

وَاتَّبِعُوا مَا تَتْلُوا الشَّيْطِينُ عَلَىٰ مُلْكٍ سُلَيْمَنَ وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَنُ  
وَلَكِنَّ الشَّيْطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ ...

(al-Baqarah 2: 102)

Maksud: Dan mereka mengikuti apa yang dibaca oleh syaitan-syaitan pada masa kerajaan Sulaiman (dan mereka mengatakan bahawa Sulaiman itu mengerjakan sihir), padahal Sulaiman tidak kafir (tidak mengerjakan sihir), hanya syaitan-syaitan itulah yang kafir dengan keadaan mereka mengajarkan sihir kepada manusia.

Berpandukan ayat ini, para ulama berpendapat hukum bagi perbuatan mengajar dan mempelajari ilmu sihir adalah haram. Lebih-lebih lagi ayat tersebut menyifatkan sihir itu dengan kekufuran (al-Sabuni t.th.). Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa ayat 'يعلمون الناس السحر' itu berada dalam keadaan akusatif sebagai *hal* bagi ganti nama *waw* pada kata kerja 'كفروا' (al-Andalusi 1993). Ayat tersebut menerangkan keadaan pelaku ketika terjadinya kekufuran (al-Rajih 1985). Kedudukan ayat 'يعلمون الناس السحر' sebagai *hal* merupakan perkara yang tidak boleh dipertikaikan. Ayat tersebut memiliki ciri-ciri yang perlu ada pada ayat yang berfungsi sebagai *hal*. Antaranya, *sahib al-hal* adalah *ma'rifah* kerana daripada kategori ganti nama. Sesuatu ayat yang terletak selepas daripada *ma'rifah* kebiasaannya berperanan sebagai *hal*.

Tambahan pula ayat tersebut adalah dalam jenis 'جملة خبرية' yang tidak terdapat padanya alamat atau tanda masa akan datang, seperti huruf 'س', 'سوف' dan 'لن' atau 'تعجب'. Manakala 'الرابط' yang mengikat 'صاحب الحال' dan 'حال' di sini ialah ganti nama *waw* pada 'يعلمون' (al-Suyuti 1998). Lantaran itu, ayat yang menjadi *hal* di atas menerangkan golongan tersebut menjadi kufur dengan keadaan mereka yang mengajar ilmu sihir. Perbuatan mengajar ilmu sihir itu telah membawa mereka kepada kekufuran. Apabila sesuatu yang membawa kepada kekufuran itu dihukum sebagai haram, maka mempelajari dan mengajar ilmu sihir turut menjadi haram.

Keempat: Hukum perkahwinan dengan wanita musyrik. Firman Allah SWT:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَةَ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ ...

(al-Baqarah 2: 221)

Maksud: Dan janganlah kamu berkahwin dengan wanita musyrik sebelum mereka beriman.

Ayat tersebut menjelaskan pengharaman berkahwin dengan perempuan musyrik (al-Shawkani 1996). Majoriti ulama berpendapat larangan tersebut tidak meliputi

golongan Ahli Kitab kerana Allah SWT telah membezakan antara Ahli Kitab dan musyrik. Firman Allah SWT:

مَا يَوَدُّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ يُنَزَّلَ  
عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَخْتَصُّ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو  
الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٠٥﴾

(al-Baqarah 2: 105)

Maksud: Orang kafir daripada Ahli Kitab, dan juga daripada orang musyrik, tidak suka kiranya diturunkan kepada kamu sedikit daripada kebaikan (atau wahyu) daripada Tuhan kamu. Padahal Allah berhak menentukan rahmat-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah (jualah yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar.

Sebahagian yang lain pula berpendapat larangan tersebut adalah umum dan melibatkan Ahli Kitab kerana mereka juga turut menyekutukan Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ...

(al-Taubah 9: 30)

Maksud: Dan orang Yahudi berkata: “Uzair ialah anak Allah”, dan orang Nasrani berkata: “Al-Masih ialah anak Allah”.

Kata kerja ‘لا تنكحوا’ terbina dengan pola ‘فعل النهي’ yang menunjukkan makna larangan. Ketiadaan ‘فرينة’ yang memungkinkannya makna tersebut berpaling kepada makna lain menunjukkan perkara yang dilarang adalah haram (Salih 1993). Oleh itu, hukum berkahwin dengan perempuan musyrik adalah haram. Kebanyakan sarjana bahasa dan *usul al-fiqh* berpendapat bahawa pola ‘فعل النهي’ yang menunjukkan makna larangan secara mutlak kebiasaannya turut menunjukkan makna berkekalan dan berterusan (Tawilah t.th.).

Justeru, pengharaman terhadap perkahwinan dengan perempuan musyrik ini adalah berkekalan dan berterusan selagi sifat syirik terdapat dalam diri perempuan tersebut. Sebahagian besar ulama berpendapat bahawa ayat larangan juga menunjukkan sesuatu perkara yang dilarang itu adalah batal atau tidak sah apabila dilakukan juga. Lantaran itu, ‘Umar al-Khattab telah berpegang dengan ayat ‘ولا تنكحوا المشركات’ ini untuk menyatakan tidak sah perkahwinan lelaki muslim dengan perempuan musyrik (al-Husari 1998).

Larangan yang terdapat pada ayat hukum ini secara jelas menunjukkan hukum haram berkahwin dengan perempuan musyrik. Hukum ini diperkuatkan pula oleh ayat berikutnya ‘حتى يؤمن’ iaitu partikel ‘حتى’ yang membawa makna ‘غاية للمنع’ atau kesudahan larangan (al-Andalusi 1993). Makna ‘غاية’ mengisyaratkan bahawa larangan berkahwin dengan perempuan musyrik itu terhapus apabila perempuan tersebut beriman (Kamarul 2005).

## PENUTUP

Keunggulan al-Quran sebagai sumber tamadun Islam tidak pernah berjaya dicabar. Kemampuannya menyampaikan risalah Ilahi dengan menggunakan bahasa Arab kepada semua manusia tanpa mengira bangsa, adat dan bahasa amat menakjubkan. Sesungguhnya al-Quran merupakan kitab suci yang termaktub di dalamnya perlembagaan Ilahi. Kedatangannya dalam bahasa Arab jelas mencerminkan kekuatan yang dimiliki oleh bahasa tersebut. Pemilihannya sebagai bahasa *tashri*’ seringkali dikaitkan dengan sifatnya yang kemas, jelas, ringkas, kaya dengan kosa kata, memiliki ciri-ciri *ishtiqaq* dan *i’rab*, sarat dengan unsur kata hikmah serta mampu mencerna pengertian yang mendalam. Hal ini menyerlahkan keupayaan bahasa Arab sebagai satu bahasa perundangan yang saintifik, rasional, ilmiah dan tepat. Rentetan itu, para ulama telah bersepakat untuk menetapkan antara kriteria penting yang perlu dipenuhi oleh seorang mujtahid ialah menguasai bahasa Arab dengan baik.

Komponen ayat gramatis memainkan peranan yang besar dalam pembentukan hukum fikah. Kaedah tatabahasa yang mengharuskan atau mewajibkan sesuatu unsur ayat gramatis itu dibuang dengan sebab tertentu hendaklah diambil perhatian. Tanpa mengembalikan kalimah yang dibuang, kesempurnaan makna bagi sesuatu ayat tidak akan tercapai. Hal ini akan mengganggu usaha untuk memahami hukum sebenar yang terdapat dalam ayat. Tegasnya, tatabahasa Arab merupakan ilmu yang wajib dicerna dalam pemikiran setiap sarjana perundangan Islam. Tanpa ilmu tersebut seseorang itu tidak akan mampu untuk memerangi lautan hukum. Peranannya membentuk disiplin ilmu fikah dan usulnya, serta sebagai wasilah ke arah pembinaan hukum Islam tidak dapat disangkal.

## RUJUKAN

- al-Andalusi, Muhammad b. Yusuf. 1993. *Tafsir al-Bahr al-Muhit*. Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Antaki, Muhammad. t.th. *al-Manhaj fi al-Qawa‘id wa al-I‘rab*. Bayrut: Dar al-Sharq al-‘Arabi.

- Arbak Othman & Ahmad Mahmood Musanif. 2000. *Pengantar Linguistik Am*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sarjana.
- Azhar, B. S. t.th. *Understanding and Using English Grammar*. New Jersey: Englewood Cliffs.
- al-Bahuti, Mansur b. Yusuf. 1990. *al-Rawd al-Murbi' Sharh Zad al-Mustaqni'*. Pnyt. al-Lihham, Sa'id Muhammad. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Bardisi, Muhammad Zakariyya. 1987. *Usul al-Fiqh*. Makkah al-Mukarramah: al-Maktabat al-Faysaliyyah.
- al-Dimashqi, Muhammad b. 'Abd al-Rahman. 1987. *Rahmat al-Ummah fi Ikhtilaf al-A'immah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Hasan, 'Abbas. t.th. *al-Nahw al-Wafi*. Misr: Dar al-Ma'rifah.
- al-Husari, Ahmad. 1998. *Istinbat al-Ahkam min al-Nusus*. Bayrut: Dar al-Jil.
- al-Husayni, Taqiyy al-Din Abu Bakr b. Muhammad. 1991. *Kifayat al-Akhyar fi Hall Ghayat al-Ikhtisar*. Pnyt. 'Abd al-Hamid, 'Ali & Sulayman, Muhammad Wahbi. Bayrut: Dar al-Khayr.
- Ibn 'Aqil, 'Abdullah. 1995. *Sharh Ibn 'Aqil*. Bayrut: al-Maktabat al-'Asriyyah.
- Ibn al-Munzir. 1988. *al-Ijma'*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hisham, 'Abdullah b. Yusuf. 1998. *Mughni al-Labib 'an Kutub al-A'arib*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd al-Rahman. t.th. *Muqaddimah*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Ibn Rushd, Muhammad b. Ahmad. 1995. *Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid*. Pnyt. al-Hamawi, Majid. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
- Ibn Taymiyyah, Taqiyy al-Din Ahmad b. 'Abd al-Halim. 1979. *Iqtida' al-Sirat al-Mustaqim*. Sunt. al-Fiqi, Muhammad Hamad. Bayrut: Dar al-Afaq al-Jadidah.
- Ibn Ya'ish, Muwaffaq al-Din. t.th. *Sharh al-Mufassal*. Bayrut: 'Alam al-Kutub.
- al-Jassas, Abu Bakr Ahmad al-Razi. t.th. *Ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Juday', 'Abdullah b. Yusuf. 2000. *al-Manhaj al-Mukhtasar fi 'Ilmay al-Nahw wa al-Sarf*. Bayrut: Mu'assasat al-Rayyan.
- Kamarul Shukri Mat Teh. 2005. *Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum daripada al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Khallaf, 'Abd al-Wahhab. 1988. *Ilm Usul al-Fiqh*. Kuwayt: Dar al-Qalam.
- al-Khuli, Muhammad 'Ali. 1982. *Mu'jam 'Ilm al-Lughah*. Bayrut: Maktabat Lubnan.
- al-Khuli, Muhammad 'Ali. 1993. *Madkhal ila 'Ilm al-Lughah*. Suwaylih: Dar al-Falah.
- al-Mubarak, Mazin. 1981. *al-Nahw al-'Arabi*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Najib, 'Izz al-Din. 1993. *Marji' al-Daim fi Qawa'id al-Lughah al-Injliziyyah*. t.tp.: t.pt.
- Nik Safiah Karim & Faiza Tamby Chik (pensy). 1994. *Bahasa dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qurtubi, Muhammad b. Ahmad. 1988. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rajih, 'Abduh. 1985. *al-Tatbiq al-Nahwi*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- al-Sabuni, Muhammad 'Ali. t.th. *Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*. t.tp.: t.pt.
- al-Sadlan, Salih b. Ghanim. 1416H. *Salat al-Jama'ah*. al-Riyad: Dar Balansiyah.
- Safi, Mahmud. 1990. *al-Jadwal fi I'rab al-Quran wa Sarfih wa Bayanih*. Bayrut: Dar al-Rashid.
- Salih, Muhammad Adib. 1993. *Tafsir al-Nusus fi al-Fiqh al-Islami*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
- al-Shatibi, Ibrahim b. Musa. 1995. *al-I'tisam*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shawkani, Muhammad b. 'Ali. 1996. *Fath al-Qadir*. Pny. al-Bukhari Hisham & 'Ukari, Khudar. Bayrut: al-Maktabat al-'Asriyyah.
- Sulqayni, Ibrahim Muhammad. 1996. *al-Muyassar fi Usul al-Fiqh al-Islam*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman b. Abu Bakr. 1976. *Kitab al-Iqtirah fi 'Ilm Usul al-Nahw*. Pny. Qasim, Ahmad Muhammad. al-Qahirah: Matba'ah al-Sa'adah.
- al-Suyuti, 'Abd al-Rahman b. Abu Bakr. 1998. *al-Muzhir fi 'Ulum al-Lughah wa Anwa'iha*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Tawilah, 'Abd al-Wahhab 'Abd al-Salam. t.th. *Athar al-Lughah fi Ikhtilaf al-Mujtahidin*. t.tp.: Dar al-Salam.

- Wahbah, Majdi & al-Muhandis, Kamil. 1984. *Mu'jam al-Mustalahat al-'Arabiyyah fi al-Lughah wa al-Adab*. Bayrut: Maktabat Lubnan.
- al-Zamakhshari, Mahmud b. 'Umar. 1993. *al-Mufasssal fi Sina'at al-I'rab*. Bayrut: Dar wa Maktabat al-Hilal.
- al-Zamakhshari, Mahmud b. 'Umar. 1995. *al-Kashshaf*. Pny. Shahin, Muhammad 'Abd al-Salam. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zarkashi, Muhammad b. 'Abdullah. 1990. *al-Burhan fi 'Ulum al-Quran*. Sunt. al-Mara'shali, Yusuf 'Abd al-Rahman, al-Dhahabi, Jamal Hamdi & al-Kurdi, Ibrahim 'Abdullah. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 1994. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1991. *al-Tafsir al-Munir*. Bayrut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.